

Tunggakan sewa rumah PPR, PA lebih RM70 juta

KUALA LUMPUR – Tunggakan sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dianggarkan melebihi RM70 juta setakat ini.

Mendedahkan perkara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd. Sharif berkata, pihaknya sedang melaksanakan pelbagai usaha bagi menyelesaikan isu tersebut.

“Memang betul tunggakan sewa di PPR ini amat tinggi sehingga menjangkau lebih RM70 juta di seluruh Kuala Lumpur.

“Kita telah mengadakan libat urus, termasuk memberikan notis kepada penyewa untuk membayar sewaan,” katanya selepas Program Kesejahteraan Komuniti Bandar Selamat di Dewan Serbaguna Desa Rejang di sini semalam.

Menurutnya, usaha tersebut adalah penting kepada penghuni kerana bayaran kadar sewaan itu membolehkan DBKL memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Dalam program itu, satu sesi townhall yang disertai Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd. Isa turut diadakan bersama penduduk PPR Desa Rejang bagi mendapatkan maklumat berhubung pelbagai masalah yang dihadapi mereka.

Katanya, antara isu yang dibangkitkan seperti kekurangan parkir, penyelenggaraan bangunan, aspek keselamatan serta perniagaan.